

16 MAY 1998

LEAD Malaysia-Indonesia

M'SIA AKAN BERI PINJAMAN KEPADA INDONESIA, RMAF BAWA RAKYAT PULANG

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Malaysia hari ini mengumumkan akan memberikan pinjaman AS\$250 juta (RM925 juta) kepada Indonesia, manakala dua pesawat pengangkut Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dijangka membawa pulang sekurang-kurangnya 200 rakyat Malaysia menjelang tengah malam ini dari Jakarta, yang mengalami rusuhan.

Dua pesawat C-130 Hercules berlepas dari Jakarta pada pukul 9.13 malam (waktu Malaysia) dan dijangka tiba di pangkalan TUDM Subang kira-kira pukul 11.58 malam dengan membawa rakyat Malaysia yang kebanyakannya mendapatkan bantuan daripada Kedutaan Malaysia di Jakarta.

Kedua-dua pesawat itu telah bersiap sedia sejak pukul 9 pagi dan hanya berlepas pada petang setelah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa Indonesia.

Mereka juga membawa bekalan makanan untuk kedutaan Malaysia, yang dibanjiri oleh rakyat Malaysia yang bekerja di ibu negara Indonesia itu, yang mengalami rusuhan sejak Selasa lepas.

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan memberikan pinjaman kepada Indonesia, sementara negara itu menunggu pakej penyelamat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang akan diberikan untuk memulihkan ekonomi negara itu.

"Kita memberikan bantuan kepada sebuah negara. Jelas, sesiapa sahaja yang akan menerajui kerajaan negara itu akan mempunyai tanggungjawab, sama seperti tanggungjawab mereka kepada IMF dan badan-badan antarabangsa yang lain," katanya kepada pemberita setibanya pulang dari lawatan lapan hari ke Mesir dan Sudan.

Apabila ditanya sama ada IMF harus dipersalahkan terhadap apa yang berlaku di Indonesia, beliau berkata: "IMF tidak peka kepada penyusunan semula ekonomi masyarakat..seolah-olah ekonomi dan masyarakat tidak mempunyai perkaitan."

Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata TUDM bersedia untuk membawa pulang lebih ramai rakyat Malaysia, jika terdapat permintaan daripada Kementerian Luar.

Berikutan keadaan tenang yang belaku di Jakarta, Speaker Parlimen Harmoko berkata Presiden Suharto tidak lama lagi akan menyusun semula Kabinet, iaitu sehari selepas menarik balik kenaikan harga bahan bakar dan memerintahkan tindakan tegas terhadap pencuri.

Pemimpin masyarakat dan pelbagai pertubuhan di negara itu meminta ditamatkan rusuhan yang telah membawa kegiatan ekonomi di Jakarta buntu.

Laporan akhbar menyatakan sekurang-kurangnya 209 mayat telah ditemui di empat daerah di bandar raya itu.

Untuk menampung permintaan penumpang yang tinggi, Penerbangan Malaysia (MAS) hari ini menukar satu dari tiga penerbangan harian ke Jakarta dengan pesawat yang lebih besar, iaitu Boeing 747-400 yang boleh memuatkan 362 penumpang.

Syarikat penerbangan itu, yang pada kebiasaan menggunakan pesawat lebih kecil, Boeing 737-400 yang boleh memuatkan 128 penumpang, juga melaporkan tempahan tinggi di Surabaya dan Medan.

Tiga penerbangan sewa khas Garuda Airlines mendarat di Pulau Pinang dari Medan dan setiap pesawat dengan 124 penumpang.

Seorang jurucakap syarikat penerbangan Indonesian itu di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang berkata ia menjangkakan permintaan

bagi penerbangan sewa khas akan berterusan bagi beberapa hari lagi.

Selain daripada rakyat Malaysia yang pulang, Kuala Lumpur juga menjadi tempat transit bagi warga negara asing termasuk rakyat Indonesia sendiri dan keluarga mereka.

Di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, seorang pengimport tekstil tempatan Peter Ang, berkata dia berada di situ untuk menunggu kedatangan rakan perniagaan dari Indonesia.

"Mereka akan tinggal di sini buat sementara waktu sehingga mereka mendapat penerbangan ke negara lain," katanya kepada pemberita apabila ditemui di dewan ketibaan, dia menambah kata lebih ramai rakan perniagaan dari Indonesia akan tiba dalam beberapa hari lagi.

Seorang ahli perniagaan Indonesian yang tidak mahu dikenali berkata dia dan keluarganya akan tinggal di sini buat sementara waktu kerana kesemua hartanya di Jakarta termasuk kilangnya telah terbakar.

Sementara itu, beberapa hotel terkemuka di ibu negara mencatatkan peningkatan tempahan hotel sejak beberapa hari lepas terutamanya dari warga asing yang kebanyakannya tiba dari Jakarta.

Tempahan bilik juga diterima terutamanya daripada syarikat korporat untuk kakitangan mereka yang dijangka tiba dari Indonesia.

-- BERNAMA

TM RI